



SIARAN MEDIA

674 ORANG GOLONGAN PELADANG, PERTERNAK DAN NELAYAN MENERIMA AGIHAN TOUCH POINT

ALOR GAJAH, 14 NOVEMBER 2022 : Sempena Semarak Kasih Peladang Negeri Melaka, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pertubuhan Peladang telah memberikan peruntukan melalui agihan Touch Point kepada golongan Peladang, Penternak dan Nelayan untuk terus bergiat aktif dalam bidang pertanian.

YB Datuk Seri Hj Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I berkata, Agihan Touch Point yang merupakan Inisiatif di Bawah Mafi Prihatin ini melalui Pertubuhan Peladang bertujuan untuk menjaga kebajikan golongan sasaran yang terkesan dengan Pendemik Covid-19, membina semula kekuatan modal pusingan Usahawan Kecil, serta merancang aktiviti pembangunan perniagaan Pertubuhan Peladang.

Program ini adalah antara usaha MAFI melalui Lembaga Pertubuhan Peladang bagi mendekati masyarakat Peladang khususnya mendapatkan pandangan dan maklum balas secara langsung terhadap impak pelaksanaan dasar dan bantuan/insentif melalui Pertubuhan Peladang Kawasan serta memberi jaminan terhadap komitmen serta usaha-usaha berterusan Kerajaan bagi meningkatkan pendapatan serta taraf hidup mereka.

Penyampaian Inisiatif Touch Point di Bawah Mafi Prihatin telah melibatkan 674 orang penerima yang terdiri daripada Ahli Peladang, Peternak dan Nelayan yang memperuntukkan peruntukan sebanyak RM 400,000.00 kepada Lembaga Pertubuhan Peladang. Skop Pemberian Inisiatif MAFI Prihatin kini telah diperluaskan. Sebelum ini pemberian MAFI Prihatin hanya terbuka kepada Kit Makanan dan kini ia telah diperluaskan kepada beberapa skop Touch Point bukan sahaja kepada Kit Makanan tetapi di beri kepada Input Pertanian, Peralatan Sokongan Pertanian, Jentera Kecil, dan Promosi Galakan Pasaran. Pembekalan barangan Touch Point akan dilaksanakan melalui Agensi-agensi seperti Pertubuhan Peladang, Jabatan Perikanan, Jabatan Veterinar, LKIM dan juga FAMA.

Turut diadakan penyerahan *Mock Cheque* kepada PPK Alor Gajah bagi Program Pembangunan Usahawan (Agriprentice) iaitu Projek Cendawan Tiram dan Sayuran dengan nilai RM 80,000 serta Skim Pemilikan Jentera Kecil & Sederhana dengan nilai RM 30,174.50 (23 Orang Penerima).



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG NEGERI MELAKA
MELAKA FARMERS' ORGANIZATION AUTHORITY
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES



Tingkat 4 & 5, Graha Peladang,
No. 132, Jalan Hang Tuah,
Peti Surat 182,
75740 Melaka.

Tel : 06-2828939, 2824310, 2837360
Fax : 06-2824528
E-mail : lpp_melaka@lpp.gov.my
Laman Web : www/lpp.gov.my

LPP akan terus melaksanakan peranan sebagai agensi yang menggerakkan Pertubuhan Peladang dan Usahawan untuk mempertingkatkan ekonomi dan sosial masyarakat tani dalam sektor agromakanan demi menjamin kesejahteraan Keluarga Malaysia, sekaligus menjadikan sektor pertanian dan agromakanan sebagai salah satu jentera utama kepada pertumbuhan ekonomi negara.

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
14 NOVEMBER 2022

LAHIR PELADANG PROGRESIF



BERSEKUTULAH SAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI

BERSAMA SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI